

PENGLIBATAN PELAJAR DAN GURU SERTA KESANNYA
TERHADAP KEGEMERLANGAN PENGURUSAN
KOPERASI SEKOLAH

SAWIYAH BT ABD KADIR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



106484

106484

ABSTRAK

Gerakan koperasi di Malaysia telah bermula sejak tahun 1968 lagi. Koperasi sekolah telah diiktiraf sebagai salah satu aktiviti kokurikulum yang terpenting. Pengwujudannya dibuat melalui penguatkuasaan undang-undang melalui beberapa dokumen rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah hampir dua dekad, koperasi sekolah telah mengalami pelbagai perubahan dan perkembangan. Kementerian Pendidikan, JPK, MKM dan ANGKASA merupakan badan-badan utama yang turut memainkan peranan dalam memperjuangkan kejayaan koperasi sekolah di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk meninjau penglibatan pelajar-pelajar dan guru-guru serta kesannya dalam menentukan kecemerlangan pengurusan koperasi sekolah. Kajian telah dibuat ke atas enam buah koperasi sekolah di sekitar Zon Bangsar, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kajian dibuat secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik. 180 responden telah dipilih di kalangan guru-guru dan murid-murid yang mana mereka merupakan ahli dan bukan ahli koperasi sekolah. Hasil daripada kajian, didapati bahawa koperasi-koperasi sekolah yang dikaji tersebut mempunyai bilangan ahli kurang daripada 500 orang. Kebanyakannya juga hanya menjalani aktiviti kedai dan saham terkumpul tidak melebihi RM10,000. Kajian juga mendapati bahawa murid-murid dan guru-guru tidak menjadi ahli koperasi disebabkan mereka tidak berminat dan tidak tahu faedah-faedah berkoperasi. Kebanyakan ahli-ahli koperasi juga tidak membuat penambahan jumlah modal saham yang disumbangkan. Penglibatan ahli dan bukan ahli dalam aktiviti koperasi agak sederhana. Dari segi kefahaman konsep-konsep koperasi, didapati ahli lebih memahaminya.

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Koperasi telah diberi pelbagai definisi oleh tokoh-tokoh ekonomi dan koperasi. Beberapa buah negara di Eropah seperti England, Jerman, Switzerland, Itali dan Belgium telah memberikan interpretasi mengenai istilah koperasi dalam akta masing-masing. Walau bagaimanapun ia memberi erti dan maksud yang sama.

Di Semenanjung Malaysia, Akta Koperasi 1948(semak1983) dengan ringkas menyebut bahawa koperasi yang boleh didaftarkan di bawah akta tersebut ialah sebuah badan yang bertujuan mempertingkatkan kepentingan ekonomi ahli-ahlinya selaras dengan prinsip-prinsip koperasi. Pertubuhan Buruh Antarabangsa(ILO) dalam sebuah buku yang diterbitkannya, W.M.Chik(1990: 3) telah memberikan suatu pengertian atau definisi yang lebih padat merangkumi semua elemen sosial dan ekonomi seperti berikut:

“ Koperasi adalah suatu persyarikatan orang-orang yang kebiasaannya berpendapatan kecil dengan sukarela bersatu bagi mencapai matlamat ekonomi yang sama melalui penubuhan suatu badan perniagaan yang dikawal secara demokratik

dengan membuat caruman yang adil terhadap terhadap kumpulan modal yang diperlukan dan menerima risiko dan faedah yang berpatutan dari kegiatannya itu. ”

Gerakan koperasi sekolah pula telah wujud di Malaysia sejak tahun 1968. Pengwujudannya telah dibuat melalui penguatkuasaan undang-undang melalui beberapa dokumen rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kegiatan berkoperasi telah diterima dan diiktiraf sebagai aktiviti kokurikulum yang penting sumbangannya di sekolah-sekolah. Oleh itu kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauh manakah penglibatan pelajar dan guru-guru serta kesannya terhadap kecemerlangan pengurusan koperasi sekolah.

Kajian ini dibahagikan kepada 5 bab. Sebagai pengenalan, Bab I menyentuh tentang definisi koperasi, pengenalan terhadap koperasi sekolah yang merangkumi sejarah dan perkembangan koperasi sekolah, matlamat dan objektif penubuhan koperasi sekolah serta menjelaskan pernyataan masalah dan objektif kajian. Bab II adalah berkenaan dengan kajian-kajian lepas yang menyentuh tentang penglibatan dalam sesebuah organisasi, faedah dari penyertaan dalam sesebuah organisasi, sikap terhadap organisasi, taraf penyertaan serta pengurusan.

Bab III, menghuraikan tentang kawasan kajian, reka bentuk penyelidikan, persampelan, pengumpulan data dan maklumat, analisis data serta limitasi kajian. Bab IV pula membincangkan hasil kajian. Antara aspek yang dibincangkan ialah latar belakang koperasi yang dikaji, latar belakang murid dan guru yang menjadi ahli dan belum menjadi ahli koperasi, penglibatan responden dalam aktiviti koperasi,

pandangan tentang faedah berkoperasi serta kefahaman responden tentang konsep koperasi.

Akhir sekali, sebagai penutup Bab V membincangkan tentang hasil dapatan secara lebih mendalam. Rumusan dibuat dan beberapa kajian lanjutan turut dicadangkan untuk kajian pihak yang berminat.

1.2 Pengenalan Tentang Koperasi Sekolah

Koperasi sekolah merupakan salah satu fungsi gerakan koperasi di Malaysia. Walaupun koperasi sekolah merupakan projek Jabatan Pembangunan Koperasi(JPK) tetapi ianya mendapat sokongan penuh Kementerian Pendidikan. Sokongan dan galakan daripada Kementerian Pendidikan dapat dibuktikan melalui surat-surat arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa kepada pihak sekolah.

Hasrat kerajaan untuk memperkenalkan gerakan koperasi bertujuan bukan untuk mewujudkan golongan usahawan yang mencari keuntungan semata-mata tetapi juga berhasrat untuk mendedahkan mereka kepada cabaran-cabaran masa hadapan melalui peningkatan nilai-nilai etika dalam bidang perniagaan, iaitu mementingkan perkhidmatan untuk kepentingan bersama dan bukan semata-mata hanya untuk pulangan modal. Dengan itu amalan dan pengalaman berkoperasi di kalangan koperasi sekolah berbeza dengan amalan dan pengalaman berkoperasi di kalangan dewasa.